

18/12/2001

Malaysia hantar pasukan perubatan ATM bantu pelarian Afghan

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia akan menghantar satu pasukan perubatan daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi membantu rakyat Afghanistan di khemah pelarian di Pakistan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kumpulan yang diketuai pakar bedah, Lt Kol Jaseemudin Abu Bakar, turut disertai 30 anggota lain, termasuk seorang pakar bius, dua pegawai perubatan dan 21 paramedik serta anggota sokongan.

Beliau berkata, arahan untuk menghantar pasukan perubatan ke Pakistan bagi membantu rakyat Afghanistan di buat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pasukan itu dijangka berlepas dalam masa lima hari lagi.

Katanya, pasukan perubatan 30 anggota itu akan diringi satu pasukan pengawal tentera darat dilengkapi senjata ringan dengan kekuatan satu platoon (36 anggota) untuk menjaga keselamatan pasukan perubatan ketika menjalankan tugas di negara itu.

"Perdana Menteri melahirkan hasrat itu sewaktu saya menziarahinya pada majlis rumah terbuka di Seri Perdana, semalam. Selepas mendengar permintaan itu, saya berbincang dengan Panglima ATM dan Ketua Pengarah Kesihatan ATM untuk membuat perancangan.

"Saya kemudian memaklumkan perancangan itu kepada Dr Mahathir semalam juga dan beliau bersetuju.

"Penghantaran (pasukan perubatan) ini adalah sumbangan kita atas dasar kemanusiaan untuk membantu menangani masalah pelarian Afghanistan," katanya pada sidang akhbar mengumumkan penghantaran itu di kediamannya di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Kesihatan ATM, Mejar Jeneral Datuk Ahmad Badrus Othman.

Najib berkata, pasukan perubatan ATM yang terdiri daripada tenaga terlatih akan menyediakan sebuah bilik bedah, sebuah wad yang boleh memuatkan 10 katil rawatan dan 15 katil pemulihan, ruangan terima pesakit, kemudahan makmal perubatan asas, kemudahan X-ray am asas serta setor perubatan.

Katanya, dengan kemudahan yang disediakan dalam khemah dan secara bergerak, pasukan itu mampu mengendalikan 200 pesakit luar, dua kes pembedahan besar dan lima pembedahan kecil setiap hari.

"Semua kemudahan itu akan dibawa oleh pasukan perubatan ATM dengan menggunakan dua pesawat pengangkut Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) jenis Hercules C-130.

"Kumpulan itu akan bertugas selama dua bulan. Bagaimanapun, jika tugas itu melebihi tempoh yang ditetapkan, pasukan pengganti akan dirancang," katanya.

Beliau berkata, misi utama pasukan itu adalah membantu pelarian Afghanistan terutama menangani masalah kesihatan seperti penyakit saluran pernafasan, penyakit kulit, penyakit berjangkit, penyakit usus, demam kepialu dan pemakanan.

Najib berkata, Dr Mahathir akan menghubungi Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf, untuk mendapat kebenaran bagi pasukan ATM menjalankan tugas mereka di negara itu.

Katanya, kedudukan kem perubatan ATM akan ditentukan selepas berunding dengan pihak berkuasa Pakistan.

Mengenai kemungkinan, Malaysia menyertai Pasukan Bantuan Keselamatan

Antarabangsa di Afghanistan, Najib berkata, setakat ini kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenainya dan rundingan sedang diadakan di London.

Tambahan pula, katanya, Malaysia lebih berminat untuk menyertai pasukan pengaman yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berbanding Pasukan Bantuan Keselamatan Antarabangsa yang diketuai United Kingdom.

(END)